

SOALAN NO: 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : RABU, 22 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : L19 [PR-1353-L03343]

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab-sebab kelulusan penukaran zon guna tanah dari kawasan lapang kepada perdagangan di atas tapak lot PT.7176, Jalan Cheras, Kuala Lumpur dan pembinaan 2 blok bangunan pejabat 50 tingkat (1319 unit) di atas tanah tersebut meskipun bantahan keras dan besar-besaran dari komuniti tempatan yang berjiran memandangkan ia mengakibatkan impak negatif yang banyak seperti mana yang dikemukakan oleh lebih dari 1000 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, cadangan pembangunan ini melibatkan penukaran zon guna tanah dari kediaman kepada perdagangan dan bukannya dari kawasan lapang kepada perdagangan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima permohonan bagi cadangan pembangunan 2 blok suite pejabat 50 tingkat (1319 unit) di atas lot PT 7176 Jalan Cheras, Kuala Lumpur pada 22 Disember 2016.

Permohonan ini telah dipertimbangkan dan penilaian permohonan dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) beberapa kali sebelum permohonan ini melalui proses Kaedah 5 iaitu mendapatkan pandangan pemilik bersebelahan mengikut Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 (AKTA 267).

Pihak DBKL telah menerima surat bantahan yang ditandatangani lebih kurang 1000 orang yang terdiri dari penduduk-penduduk Taman Midah, Cheras. Sesi pendengaran bantahan telah dijalankan pada 17 Mei 2017 di mana isu utama dibangkitkan adalah seperti berikut:-

- i) Penukaran dari kawasan lapang kepada perdagangan dengan nisbah plot 1:8 adalah tinggi berbanding tapak yang kecil;
- ii) Lokasi tidak bersesuaian kerana berhampiran dengan “roundabout” boleh menyebabkan kesesakkan kawasan ini;
- iii) Penduduk di Taman Midah bimbang taman mereka akan dijadikan tempat letak kereta kepada pemilik-pemilik bangunan baru ini;
- iv) Pembangunan infrastruktur di kawasan Taman Midah tidak dapat menampung pembangunan ini;

- 61
- v) Nilai harta tanah kediaman disini akan jatuh dan turun;
 - vi) Penduduk bimbang permohonan diluluskan untuk pejabat akan ditukar kepada kediaman yang boleh menyebabkan kesesakkan lalulintas disini; dan
 - vii) Pemaju perlu menyediakan laporan TIA, EIA dan SIA kepada DBKL jika ia dibangunkan seperti cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

DBKL melalui JKPS pada 14 September 2017, setelah mengambil kira bantahan-bantahan penduduk dan berpendapat:-

- i) Tapak ini boleh menampung pembangunan dengan Nisbah Plot 1:8;
- ii) Pembangunan ini tidak mengganggu "round about" dalam cadangan mereka;
- iii) Pemaju perlu mematuhi semua kehendak teknikal dan menyediakan kemudahan serta tempat letak kereta yang mencukupi;
- iv) Penambahbaikan sistem lalulintas bagi pembangunan ini hendaklah mengikut saranan yang dicadangkan di dalam Laporan TIA;
- v) Pembangunan ini hanya diluluskan untuk tujuan suite pejabat iaitu pembangunan berdasarkan pejabat; dan
- vi) Pemaju hanya perlu menyediakan Laporan TIA selaras dengan kehendak teknikal bagi cadangan pembangunan ini.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017
(RABU)**

SOALAN : 23

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan usahawan 'mobilepreneur' yang telah berjaya dilahirkan dan nyatakan bidang perniagaan yang dijalankan serta apakah langkah bagi memajukan dan mengembangkan lagi perniagaan usahawan-usahawan ini.

43

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Mobilepreneur@KKLW telah dilancarkan pada 21 Mei 2016 dengan matlamat untuk membantu golongan belia luar bandar meningkatkan pendapatan melalui inisiatif meningkatkan peluang keusahawanan. Ia berkonsepkan perniagaan perkhidmatan bergerak di luar bandar.

Bagi tahun 2016, Program Mobilepreneur@KKLW telah melahirkan seramai 500 orang usahawan bergerak di luar bandar di seluruh negara.

Bidang perniagaan yang diceburi adalah perkhidmatan Automotif, Penghawa Dingin, Elektrikal, Spa dan Kecantikan, Jahitan, Gunting Rambut, Motosikal, Kimpalan, Komputer, Penyelenggaraan Bangunan, Penyelenggaraan Paip, dan perkhidmatan Elektronik.

Bagi mengembangkan dan memajukan program ini, Kementerian telah melaksanakan beberapa kaedah baru iaitu:

1. Pemilihan peserta ditingkatkan melalui proses ujian psikometrik dan temuduga untuk mendapatkan peserta yang berpotensi;
2. Pemantauan dilaksanakan dengan lebih kemas menerusi system sahabat "*buddy system*" bagi menjamin daya tahan perniagaan; dan
3. Aspek latihan keusahawanan diperkemaskan dengan meluaskan aspek sokongan pemasaran dan pengurusan perniagaan termasuk aplikasi mobile, sistem rekod akaun dan selenggaraan motosikal.

Bagi tahun 2017, Kementerian mensasarkan 3,000 peserta Mobilepreneur diseluruh Negara dengan peruntukan sebanyak RM30juta. Sehingga Oktober 2017, seramai 1,779 peserta telah diluluskan oleh pihak Kementerian di seluruh negara.